

29/12/2001

Tragedi Kampung Medan gemparkan negara

Fazli Abdullah

TRAGEDI Kampung Medan dan kes rompakan Southern Bank di Jalan Gasing, Petaling Jaya yang menyebabkan terbongkarnya kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM), adalah dua insiden besar yang menggemparkan negara tahun ini.

Kedua-dua kes berkenaan yang menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat, berjaya ditangani dengan cepat dan bijak oleh pihak berkuasa tanpa menjejaskan keamanan negara.

Insiden Kampung Medan bermula pada 8 Mac lalu apabila berlaku pergaduhan beberapa lelaki India akibat daripada seorang kanak-kanak India yang bermain lastik.

Dalam pergaduhan itu, seorang lelaki Melayu yang mahu meleraikannya menjadi mangsa. Berikutan itu, tersebar khabar angin kononnya berlaku pergaduhan kaum di Kampung Medan dan sekitar Jalan Klang Lama.

Pergaduhan terus berlaku sekitar Petaling Jaya yang menyaksikan enam orang meninggal dunia dan berpuluh-puluh lagi cedera. Insiden itu hampir-hampir menjejaskan ketenteraman awam di seluruh negara, tetapi tindakan cepat pihak berkuasa berjaya membendung sentimen perkauman di kalangan penduduk.

Kini, penduduk Kampung Medan dan sekitar Jalan Klang Lama, hidup dalam keadaan aman damai dan mereka sudah melupakan detik hitam itu.

Selepas tragedi Kampung Medan, masyarakat dikejutkan pula dengan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang bercita-cita mahu menggulingkan kerajaan sedia ada secara kekerasan.

Cita-cita mereka ingin membentuk sebuah negara yang tulen mengikut fahaman mereka, dengan bekerjasama kumpulan militan Indonesia dan selatan Filipina.

Tetapi, cita-cita mereka tidak kesampaian apabila kegiatan KMM terbongkar apabila mereka gagal dalam cubaan merompak Southern Bank di Jalan Gasing, Petaling Jaya pada 18 Mei lalu.

Keberanian pengawal keselamatan, Abdullah Mahmood, 43, menembak mati seorang perompak dan mencederakan seorang lagi dalam kejadian itu, memberi peluang kepada polis membongkar rancangan jahat kumpulan berkenaan.

Selepas itu, polis berjaya membuat beberapa tangkapan lain dan seterusnya membongkar kegiatan KMM yang boleh dianggap antara kumpulan paling berbahaya kepada keselamatan negara.

Jika Kumpulan Al-Maunah menggemparkan negara tahun lalu, KMM yang diketuai anak Menteri Besar Kelantan, Nik Adli Nik Abdul Aziz, boleh dianggap sebagai jenayah terbesar dan terancang tahun ini, kerana kumpulan itu yang ada kaitan dengan militan di Indonesia dan selatan Filipina, bercita-cita besar untuk membentuk sebuah negara yang dikenali Daulah Islam Nusantara.

Berikutan kejayaan itu, polis sudah menahan sekurang-kurangnya 18 anggota KMM dan masih mengesan saki-baki anggota kumpulan berkenaan.

Selain daripada dua kes besar itu, senario kes jenayah sama ada kekerasan atau harta benda menunjukkan penurunan berbanding tahun lalu. Setakat November lalu, jenayah indeks di seluruh negara menurun 6.39 peratus.

Jika tahun lalu tragedi hitam menimpa seorang jurutera komputer, Noor Suzaily yang dirogol dan diliwat sebelum dibunuh di Klang, Selangor, tahun ini seorang pelajar, Nurul Hanis Kamil, pula menjadi sasaran.

Pelajar tingkatan empat di Melaka itu turut dirogol, diliwat sebelum

dibunuh. Malah, namanya ditulis dengan titisan darah di atas pakaiannya.

Berikut adalah kes jenayah dan kejadian ngeri yang menarik perhatian sepanjang tahun pertama pada alaf baru.

20 April: Seramai 15 penumpang sebuah bas pekerja terbunuh, manakala 34 lagi parah selepas kenderaan yang mereka naiki terbabas dan terbalik dalam longkang di Batu 7 Jalan Baling-Pengkalan Hulu, Baling.

Bas berkenaan yang disewa oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Cawangan Kota Bharu, dalam perjalanan ke Kuala Kedah, membawa 52 penumpang ke Langkawi, terbabas dan terbalik ke dalam longkang sedalam satu meter dan menggelongsor sejauh 16 meter.

Berikutan kes itu, pemandunya, Rozali Mohamad Noor, 39, didakwa mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan.

28 Jun: Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya, yang berusia 35 tahun, musnah dalam kebakaran. Kebakaran itu turut memusnahkan 1,800 jubah dan topi akademik, mengakibatkan kerugian kira-kira RM12.4 juta.

Kebakaran yang berlaku dua hari sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Simposium Penegasan Ke Arah Tuju Idealisme Di Alaf Baru di bangunan berkenaan.

Berikutan kejadian itu, pelbagai spekulasi dan khabar angin termasuk kononnya kebakaran berkenaan angkara perbuatan khianat. Bagaimanapun, siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat mendapati tiada unsur khianat dalam kes itu, sebaliknya menyenaraikan tugas faktor penyebab - sistem pendawaian usang, pertambahan penggunaan tenaga elektrik dan usia bangunan.

Bagaimanapun, hingga hari ini polis belum mengeluarkan hasil siasatan ke atas kes berkenaan.

3 Julai: Seorang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Abdul Rahman Yaakob, Merlimau, Melaka, Nurul Hanis Kamil, ditemui mati dalam belukar berhampiran rumahnya di Taman Koperasi Risda, Serkam Darat.

Berikutan kejadian itu, polis menahan seorang pelajar yang juga sama sekolah dengan mangsa yang berusia 16 tahun. Mahkamah Tinggi Melaka kemudiannya memerintahkan pelajar itu ditahan selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka.

28 Julai: Tujuh sekeluarga India ditemui mati dengan kesan kelaran, tikaman dan sembelihan di rumah mereka di Taman Johor Jaya, Johor Bahru. Mayat mangsa ditemui bergelimpangan di ruang tamu, bilik tidur dan dapur.

Semua mangsa mempunyai talian persaudaraan. Mereka ialah S Ramaiee, 65; abangnya, S Muniandy, 71; tiga anak Ramaiee - S Perumal, 49; S Letchmee, 51, dan S Suppiah.

Turut terbunuh isteri Perumal, K Mangala Gowri, 42 dan B Vasagi, 27.

Ogos: Polis menerima tiga laporan berhubung kegiatan satu sindiket mengeluarkan deposit Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) berjumlah RM8.965 juta. Sindiket berkenaan menggunakan kad pengenalan palsu untuk mengeluarkan deposit berkenaan.

Sindiket berkenaan didapati mengeluarkan wang daripada tiga akaun pendeposit di Ibu Pejabat Tabung Haji di ibu negara, Seremban, Banting dan Kelana Jaya.

Setakat ini, polis sudah melakukan beberapa tangkapan ke atas anggota sindiket itu tetapi masih memburu tiga dalang kegiatan itu. Mereka yang masih diburu ialah Mohamad Nor Idris, 48; Sayid Abdullah Sayid Mohamad, 50 dan Ahmad Khaironi Ahmad, 43.

9 November: Polis menahan seorang pengarah syarikat kerana dipercayai terbabit dalam skandal penipuan wang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM36.5 juta.

Berikutan penahanan itu, polis menahan empat lagi - bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr Abdul Aziz Mohamad; bekas Ketua Pengarah Risda, Datuk Nik Kamaruddin Nik Abdul Kadir;

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Datuk Alwi @ Alwi Said dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Mohd Arif Abu Bakar, bagi membantu siasatan. Mereka semua sudah dibebaskan dengan jaminan polis.

Kes itu membabitkan pelaburan RM24.5 juta untuk menjayakan projek tanaman bunga dan ikan hiasan di Bukit Sireh, Kuala Krai, antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Risda dan sebuah syarikat swasta.

Satu lagi kes membabitkan pelaburan RM12 juta untuk melaksanakan projek ikan hiasan dan tanaman bunga orkid di Bukit Besi, Dungun, antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Ketengah dan syarikat swasta.

Projek di Kuala Krai berjaya disiapkan tetapi merugikan tetapi di Bukit Besi terbengkalai. Ketika ini, polis masih menjalankan siasatan kes berkenaan.

24 November: Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari, ditahan polis ketika cuba menyeludup masuk ke negara ini bersama enam pengikutnya di Pulau Jampiras, perairan Sabah.

19 Disember: Seramai 14 orang penumpang van terbunuh apabila kenderaan mereka naiki bertembung dengan sebuah kenderaan pacuan empat roda di Kilometer 40 Jalan Semporna-Tawau.

20 Disember: Seorang remaja, Mohd Rafi Che Muda, 18, ditemui mati dengan kesan kelaran dan tikaman di seluruh badan dalam sebuah empangan di Batu Caves, Selangor. Mangsa dibunuh dengan kejam berdasarkan sekurang-kurangnya 130 kesan tikaman di badan, leher disembelih, kemaluan dan buah zakar dipotong.

Berikutan kejadian itu, polis menahan empat orang termasuk dua warga Indonesia kerana dipercayai terbabit dalam pembunuhan yang dianggap paling ngeri di Selangor tahun ini.

(END)